

PENUBUHAN DAN KEGIATAN
PARTI MIC DI TANGKAK
1959 - 1975

Oleh
MARTIN DAVID JOHN

Latihan Ilmiah Untuk Memenuhi
Sebahagian Daripada Syarat-
Syarat Ijazah Sarjana Muda
Sastera Dengan Kepujian,
Universiti Sains Malaysia.

Universiti Sains Malaysia
Pulau Pinang
18.1.1983

KANDUNGAN

HALAMAN

PERAKATA	
PETA DAERAH TANGKAK	11
PENDAHULUAN	1 - 3
Untuk.....	
BAB SATU Pembubaran MIO di	
Tangkak (1959)	4 - 13
Ayah Ku,	
BAB DUA B Kebanggaan Ku,	
Kebanggaan Kaum India.	
India di Tangkak	14 - 20
<u>BAHAGIAN II</u>	
Sumbangan MIO Dalam	
Mengatasi Masalah-masalah	
Kaum India	21 - 32
BAB TIGA Perpecahan Dan	
Kemerosotan Dalam Parti	
MIO Tangkak,	
1969 - 1975	33 - 51
KESIMPULAN	52 - 54
BIBLIOGRAFI	55 - 56

KANDUNGAN

	<u>HALAMAN</u>
PRAKATA	i
PETA DAERAH TANGKAK	ii
PENDAHULUAN	1 - 3
BAB SATU Penubuhan MIC di Tangkak (1959)	4 - 13
BAB DUA <u>BAHAGIAN 1</u> Masalah-masalah kaum India di Tangkak	14 - 20
<u>BAHAGIAN II</u> Sumbangan MIC Dalam Mengatasi Masalah-masalah Kaum India	21 - 32
BAB TIGA Perpecahan Dan Kemerostan Dalam Parti MIC Tangkak, 1969 - 1975	33 - 51
KESIMPULAN	52 - 54
BIBLIOGRAFI	55 - 56

PRAKATA

Tujuan saya memilih tajuk tersebut adalah kerana bagi pendapat saya, perlu diketahui dan dijelaskan apakah yang berlaku diperingkat bawah, kerana segala keputusan dan tindakan yang diambil mempunyai kesan kepada organisasi diperingkat kebangsaan.

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Gurcharan Singh Gill, R.S.Muthu, Datuk G.Pasamanikam dan lain-lain ahli MIC Tangkak kerana sudi memberi kerjasama dan bantuan yang diperlukan bagi saya menyediakan kajian ilmiah ini. Juga tidak ketinggalan dorongan dan nasihat yang telah diberikan kepada saya oleh ibu ku, Puan A.C.John.

Akhirnya, saya juga tidak melupakan segala panduan dan tunjuk ajar yang telah diberikan oleh Dr. R. Suntharalingam, dari Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia disepanjang kajian Latihan Ilmiah ini.

Sekian. Terima kasih.

Martin David John
Universiti Sains Malaysia
Pulau Pinang

TANGKAK



EXT. TO ASAHAN ROAD AREA
FEDERAL L.N. 20 of 20.2.52

GRAND
LEANG
ESTATE

TANGKAK

ASAHAN
RUE
EST.

MALACCA WATER
SUPPLY CATCHMENT
AREA

Mt.
Ophir
4187

GUNONG LEDANG FOREST
RESERVE G.N. 278 of 6.3.40

LEDANG
ESTATE

BT. SERANG
ESTATE

SCALE ONE MILE TO AN INCH

STATE LAND

YURIK
ESTATE

YURIK
ESTATE

TANAH
BIAKIN
ESTATE

TANGKAK
EST. C.

SHARIF
ESTATE

TANGKAK

SHARIF
HWA EST.

ENG KEE
ESTATE

SF RONA
RUBBER
EST.

ENG
KEE
EST.

MALACCA

KUNIAN

KUNIAN
ESTATE

T. D. Ooi
KOH
T. Ooi
KOH

PROG. MALACCA

AG. TO
KESANG

PENDAHULUAN

Kawasan daerah Tangkak (Muar Utara), yang terdiri daripada lebih kurang 60,000 Orang penduduk, terletak di utara negeri Johor bersempadan dengan negeri Melaka.¹ Luasnya kawasan Tangkak adalah 148 batu per segi dan kebanyakan daripada kawasan ini dipenuhi dengan ladang-ladang getah seperti Ladang Sagil, Ladang Tanah Merah dan Ladang Getah Ledang.² Ladang-ladang ini ditadbirkan oleh syarikat-syarikat seperti Dunlop, Guthries dan juga oleh syarikat-syarikat persendirian Cina. Kebanyakan daripada pekerja-pekerja di ladang-ladang getah ini terdiri daripada golongan kaum India dan mereka ini mempunyai pertalian dengan orang-orang India yang telah dibawa masuk ke dalam negara ini semasa penjajahan Inggeris.

Sebelum tahun 1959, kaum penduduk India di Tangkak tidak memainkan apa-apa peranan yang penting dalam soal politik kawasan tersebut. Mereka boleh dianggap sebagai satu golongan yang telah diketepikan oleh masyarakat dan diri mereka tertumpu kepada ladang-ladang getah yang tidak memberi apa-apa jaminan yang cerah untuk masa depan mereka. Walaupun mereka berada di Tanah Melayu tetapi mereka masih setia kepada negara India dan berharap bahawa pada satu hari nanti mereka akan kembali ke negara tersebut.

Perasaan kesetiaan terhadap negara India ditunjukkan oleh kebanyakan daripada kaum India terutamanya pada awal tahun-tahun 1940an apabila beberapa Persatuan Kemerdekaan India (Indian Independence League)³ ditubuhkan dan menerusi persatuan-persatuan ini kaum India di Tanah Melayu telah mengadakan beberapa pergerakan-pergerakan bagi menunjuk perasaan marah mereka terhadap pemerintahan pihak Inggeris di India.

Golongan keturunan India di Tangkak juga tidak

ketinggalan. Dalam tahun 1944 satu perhimpunan raksasa telah diadakan oleh kaum penduduk India di Padang Tangkak.⁴ Terdapat lebih kurang dua ribu orang India yang mengambil bahagian dalam perhimpunan ini untuk menunjuk perasaan atas sokongan kaum India di Tangkak terhadap soal kemerdekaan negara India. Sebelum ini tidak terdapat sekalipun satu-satu perhimpunan kaum India seperti mana yang terdapat pada hari tersebut itu.

Semua penduduk-penduduk India dari seluruh daerah Tangkak telah menghadiri perhimpunan tersebut. Mereka datang bukan saja dari bandar Tangkak tetapi juga dari bandar Muar dan juga daripada ladang-ladang yang berhampiran seperti Ladang Serom, Ladang Sagil dan Ladang Tanah Merah. Tidak kira kaya atau miskin, muda atau tua - semuapun menghadiri perhimpunan tersebut.

Persatuan Kemerdekaan India di Tangkak dipimpin oleh Gurcharan Singh Gill dan beliau telah mengibarkan bendera India sebagai menandakan sokongan kaum India di Tangkak terhadap kemerdekaan negara India.⁵

Kita mesti memahami bahawa pada masa ini, Jepun menguasai Tanah Melayu dan mereka tidak sekalipun menentang atau melarang pergerakan-pergerakan nasionalisme India di Tanah Melayu. Sebaliknya mereka menyokong pergerakan-pergerakan tersebut ini kerana ini adalah pergerakan yang seolah-olah menentang kerajaan Inggeris, baik di India mahupun di kawasan-kawasan yang lain.

Tetapi apakah perhubungan ataupun perkaitan antara pergerakan Persatuan Kemerdekaan India dengan kemunculan Parti Malayan Indian Congress (MIC) di Tangkak? Yang penting di sini adalah bahawa kita boleh menganggap Persatuan Kemerdekaan India di Tangkak sebagai "nucleus" bagi menggerakkan kemunculan

penubuhan MIC di Tangkak.

Nyatalah bahawa kerajaan pusat telah menyedari bahawa kaum India, jika digabungkan dalam konsep Perikatan, akan mewujudkan satu tentangan yang hebat kepada parti-parti yang lain yang akan bertanding dalam pilihanraya tahun 1955. Dengan kerjasama UMNO (United Malay National Organization), dan MCA (Malayan Chinese Association) dan dengan adanya kerjasama dari pihak kaum penduduk India menerusi MIC, sudah tentu, mengikut pendapat Tengku Abdul Rahman, parti Perikatan akan menang dalam pilihanraya 1955, iaitu pilihanraya yang pertama selepas Malaya mencapai kemerdekaan. Jika kaum India menunjukkan sokongan sepertimana yang mereka telah menunjukkan keatas kemerdekaan India, pastilah bahawa Parti Perikatan akan mempunyai satu sokongan yang hebat dalam pilihanraya 1955. Sokongan yang dimimpi-mimpikan ini dipastikan dalam 17hb. Oktober tahun 1954 apabila MIC menyertai Perikatan.

1. Maklumat dari bahagian banci, Pejabat Daerah Tangkak.
2. Maklumat dari bahagian tanah, Pejabat Daerah Tangkak.
3. Ghosh K.K., THE INDIAN NATIONAL ARMY, Meenakshi Prakashan, Begun Bridge, Meerut, India.
4. Temuduga dengan Gurcharan Singh Gill pada 12hb. April, 1982.
5. Ibid.